

DATE: 25 JUNE 2013
PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM YAKIN SAMBUTAN IPO
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 209 CM²

Sona Petroleum yakin sambutan IPO

Oleh **FADZIL ZAINAL**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Jun - Syarikat khas pengambilan alih (SPAC) terbaharu, Sona Petroleum Bhd. (Sona Petroleum), yakin sambutan yang bakal diterima terhadap tawaran awam permulaannya (IPO) berdasarkan prestasi yang baik dicapai oleh dua SPAC sebelum ini, CLIQ Energy dan Hibiscus Petroleum.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Hadian Hashim berkata, barisan kepimpinan syarikatnya yang berpengalaman di dalam sektor minyak dan gas juga menjadi kunci utama yang akan dinilai oleh para pelabur.

Selain itu, katanya, permintaan minyak dan gas dua bakal berkembang dengan baik termasuk daripada segi harganya.

"Keadaan ini disumbangkan melalui pe-

ningkatan penduduk dunia, sekali gus menyebabkan permintaan tenaga semakin meningkat," katanya pada majlis pelantikan empat syarikat sebagai penaja jamin IPO Sona Petroleum, di sini hari ini.

CIMB Investment Bank dan RHB Investment Bank bertindak selaku penasihat bersama, ejen penerima tempahan bersama, pengurus taja jamin bersama dan penaja jamin bersama.

Sementara itu, Kenanga Investment Bank dan MIDF Amanah Investment Bank dilantik selaku penaja jamin bersama.

Sona Petroleum telah menerima kebenaran untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia dengan terbitan 1.1 bilion saham baru biasa



HADIAN HASHIM

berharga RM0.01 sen beserta 1.1 bilion waran yang dilaporkan sebelum ini mampu meraih dana sehingga lebih RM500 juta.

Sementara itu, Hadian berkata, syarikatnya tidak melihat dua SPAC yang terdahulu sebagai pesaing kepada perniagaan Sona Petroleum.

Katanya, meskipun ketiga-tiga syarikat terlibat di dalam sektor penerokaan dan pengeluaran (E&P) tetapi masing-masing mempunyai fokus

yang tertentu.

"Syarikat kami lebih mengutamakan bahagian pengeluaran berbanding dua syarikat lagi yang turut memberi fokus kepada aspek penerokaan," kata beliau lagi.